

Ucapan YAB Perdana Menteri. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein
mengenai Gerakan Pembaharuan melalui Radio dan Tallvisyen
pada malam 6hb. Ogos 1972.

Hari ini kita memulakan satu babak baru dalam bidang pembangunan masyarakat. Pada hari ini, di Dungun, saya melancarkan satu gerakan yang dikenal sebagai Gerakan Pembaharuan, serentak dengan Pesta Pembangunan yang sedang berlangsung disitu sempena peristiwa yang penting ini.

Gerakan Pembaharuan ini meliputi semua aspek kehidupan di seluruh Negara dan akan melibatkan rakyat dan semua golongan baik yang diam di bandar dan lebih lagi di luar bandar. Saya rasa amatlah penting pada saat ini kita menggerakkan rakyat ke arah haluan yang ditetapkan sesuai dengan konsep dan pandangan baru mengenai hari depan masyarakat kita.

Tujuan kita mengadakan Gerakan Pembaharuan ialah semata-mata hendak mengemaskan lagi pelaksanaan rancangan pembangunan masyarakat yang sedang berjalan sekarang. Gerakan Pembaharuan ini diharap akan memberikan nafas baru kepada usaha-usaha pembangunan dalam artitkata gerakan ini menghendaki penglibatan penuh kedua-dua pihak iaitu rakyat dan Kerajaan.

Kejayaan rancangan-rancangan pembangunan masyarakat bergantung pada dua faktor — iaitu peranan pegawai pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab dan sambutan serta kerjasama dari rakyat. Dalam hubungan ini peranan pegawai-pegawai Kerajaan sangatlah penting kerana mereka diharapkan memberi pimpinan yang jujur dan ikhlas kepada rakyat.

Oleh yang demikian, pegawai-pegawai Kerajaan di semua peringkat hendaklah fully motivated dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan masyarakat serta memainkan peranan mereka dengan jujur dan penuh dedikasi. Mereka mestilah menyesuaikan sikap dan pemikiran mereka dengan kehendak-kehendak membina satu masyarakat Malaysia baru yang sanggup menghadapi cabaran cabaran zaman moden ini.

Haruslah diingat bahawa ukuran kejayaan dalam segala usaha pembangunan ialah kebahagiaan dan kesempurnaan hidup rakyat. Rancangan-rancangan dan projek-projek hanyalah jalan atau jambatan kearah matalamat tersebut dan dengan yang demikian, janganlah mereka mementingkan projek-projek yang mereka anjurkan di atas kepentingan rakyat kerana hendak meninggikan imej Jabatan atau Kerajaan. Kadangkala didapati projek-projek yang lapis berlapis dan tindeh bertindeh. Ini akan hanya mengelirukan orang ramai dan hendaklah diatur semula dengan sempurna menurut keutamaan keutamaan yang ditentukan.

Kesimpulan dan itu, amatlah mustahak pegawai-pegawai yang terlibat dengan pembangunan sentiasa memastikan adanya penyelarasan pada setiap peringkat dalam perancangan dan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan masyarakat di daerah masing-masing.

Saya seringkali berkata Kerajaan akan terus memberikan bimbingan dan bantuan serta membukakan peluang baru kepada mereka yang memerlukannya. Bagaimanapun, segala ini tidak bermakna kecuali kalau rakyat sendiri sama-sama bertanggungjawab dan bertindak memberikan sokongan yang sepenuhnya.

Dalam beberapa Rancangan Lima Tahun yang lepas, dan semenjak Rancangan Pembangunan Luar Bandar-dijalankan, sudah begitu banyak kemudahan dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan untuk pembangunan terutama dalam lapangan pertanian. Peluang-peluang sentiasa terbuka kepada sesiapa yang sanggup tampil ke hadapan menggunakannya bagi kebajikan mereka.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tegas bagi mencapai matlamat-matlamat pembangunan

menerusi badan-badan seperti FELDA, FELCRA serta rancangan rancangan Kerajaan Negeri, membangun rancangan raksaksa di Pahang Tenggara. Johor Tenggara. Trengganu Tengah dan Jengka. Di bidang lain, Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan menerusi MARA, PERNAS. Lembaga lembaga Ekonomi Negeri, Bank Pertanian dan sebagainya.

Saya hairan kenapa ada orang orang kita yang masih mongerjakan kebun atau sawah yang kecil di kampong kampong, hidup dalam keadaan kais pagi makan pagi tanpa memberi harapan atau pun jaminan hingga hidup untuk anak isteri mereka bagi masa hadapan. Orang-orang seperti itu hendaklah mengubah sikap. mengubah cara berfikir dan tampil kemuka merebut peluang-peluang baru yang terbuka untuk kebaikan mereka sendiri. Kerajaan tidak dapat berbuat lebih daripada itu; hanya terpulanglah kepada rakyat supaya menggunakan peluang-peluang yang disediakan itu dengan sebaik-baiknya.

Sebagai manusia zaman moden, mustahaklah kita menitikberatkan penggunaan sains dan teknologi dalam pembangunan masyarakat. Saya rasa tidak ada jaminan masa depan yang lebih positif kecuali kita berjaya mengubah struktur ekonomi negara dari ekonomi pertanian atau agraria kepada ekonomi perindustrian. Oleh itu. rakyat hendaklah berusaha mengejar dan mengambil menafaat dan kemajuan sains dan teknologi serta menggunakannya bagi kebahagiaan hidup mereka.

Adalah penting bagi orang-orang kita mengubah cara hidup dan lebih berdisiplin kerana hanya dengan ini kita boleh bertukar corak menjadi masyarakat perindustrian dan dapat setanding dengan masyarakat masyarakat yang maju. Konsep pertanian termasuk cara bertani, menangkap ikan dan sebagainya perlu dipermodenkan supaya menjadi lebih cekap dan menguntungkan.

Bahkan amatlah mustahak orang-orang kita memahami dan mengamalkan konsep ekonomi kewangan dalam kehidupan hari ini bukan saja setakat berjimat cermat tetapi menggunakan wang untuk memasuki lapangan ekonomi moden. Inilah syarat-syarat penting supaya orang-orang kita tidak ketinggalan dalam perlumbaan hidup di zaman ini.

Bidang pelajaran dan pendidikan adalah asas utama bagi kejayaan pembangunan masyarakat kerana masyarakat yang berpelajaran merupakan sumber kekayaan tenaga bagi negara. Dalam hubungan ini. saya hendak menyentuh sedikit tentang masalah keciciran murid-murid sekolah terutamanya di kawasan luar bandar.

Masalah ini telah pun dikaji dan ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa sebabsebab keciciran itu bukanlah oleh kerana anak-anak itu bodoh atau pun ibu bapanya tidak mampu hendak memberi pelajaran kepada mereka. Bahkan salah satu daripada faktor yang nyata ialah sikap ibu bapa sendiri terhadap anakanak mereka iartu tidak mengambil berat tentang mustahaknya pelajaran sebagai persediaan hidup mereka di masa hadapan. Sikap seperti inilah yang mesti dikikis menerusi Gerakan Pembaharuan ini. Keutamaan hendaklah juga diberi kepada kesihatan anak-anak supaya kita dapat membangunkan jenerasi baru yang sihat dan sempurna — jasmani dan rohani.

Saya suka menegaskan sekali lagi Gerakan Pembaharuan «m terutama sekali menghendaki orang-orang kita berfikir cara baru dan bergerak mengikut perubahan-perubahan masa dan zaman. Rakyat baik di kampong atau pun di bandar hendaklah menggunakan kesempatan yang disediakan oleh Kerajaan untuk memberikan erti yang sepenuhnya kepada Dasar Ekonomi Baru. Kalau mereka masih enggan atau pun segan segala-gala ini akan terlepas dengan percuma kerana peluang seperti masa tidak menunggu sesiapa

Tegasnya, mereka hendaklah bergerak maju menghadapi cabaran-cabaran hidup dengan penuh azam keyakinan diri dan kejujuran. Kalau tidak, saya bimbang kita tidak dapat mencapai sepenuhnya matalamat yang kita tujui khasnya mengenai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu.

Marilah kita bersama-sama menyingking tangan dan berganding bahu untuk mencapai kejayaan yang dicita-citakan itu, yang akan membawa kebahagiaan kemakmuran kepada rakyat dan Negara.